



".....jika dahulu hasil jualan harian kasar yang diterima sehari tidak sampai RM500 namun kini pendapatannya pernah mencapai RM1,500 sehari."
- Nurul Jannah Ahmad



".....enam buah rumah berhampiran dengan rumahnya yang disewakan kepada pelajar UMP yang tinggal di luar kampus dengan kadar sewa RM350 sebulan."
- Wan Kembang Wan Muda

UMP permata di hujung muara, Kuala Pahang bertukar wajah

Tiada siapa yang menyangka kawasan yang sebelum ini ditimbuni bukit pasir lapan tahun lalu bertukar wajah menjadi sebuah pusat ilmu di perkampungan Kuala Pahang, dengan beroperasinya Universiti Malaysia Pahang (UMP) sejak Julai tahun lalu.

Jika dahulu perkampungan di Kuala Pahang ini yang rata-rata masyarakatnya menjadikan hasil laut sebagai mata pencarian utama, namun kini penduduknya boleh tersenyum melihat deretan rumah sewa dan memiliki perniagaan sendiri dengan membuka perniagaan makanan, membuka kedai membaiki motorsikal atau kedai runcit.

Kewujudan kampus UMP di Pekan ini juga membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan di daerah Pekan sama ada yang bekerja sebagai kontraktor pembersihan, pengawal keselamatan ataupun pekerja di universiti berkenaan.

Lima belas tahun lalu, Kedai Kopi Ismail milik Nurul Jannah Ahmad, 34, tiada bezanya dengan kedai makan lain di kawasan Kuala Pahang. Namun, itu cerita lama.

Kedai kopi yang diusahakan bersama suaminya Ismail Abdullah, 45, terletak berdekatan UMP kini sudah mempunyai ramai pelanggan yang terdiri daripada pekerja binaan, warga kampus dan orang ramai yang berulang-alik di situ.

Katanya yang setia berniaga di situ, jika

dahulu kawasan perkampungan ini jarang dikunjungi orang luar, namun kini banyak berubah. Suasana di waktu pagi juga agak sibuk dengan kenderaan bas yang mengangkut pelajar dari UMP Gambang ke Pekan.

Menurut Jannah, jika dahulu hasil jualan harian kasar yang diterima sehari tidak sampai RM500 namun kini pendapatannya pernah mencapai RM1,500 sehari.

Rutin hariannya ibu kepada empat cahaya mata ini cukup sibuk dengan menyediakan juadah hampir 20 menu lauk kampung, ikan bakar dan asam pedas pada setiap hari.

"Selain itu, pelanggannya juga dapat menikmati masakan panas bersama keropok lekor dan Air Batu Campur pada sebelah petangnya," katanya.

Beliau kini mempunyai sepuluh pekerja yang membantunya dalam menjalankan perniagaan bermula dari awal pagi hingga ke tengah malam.

Katanya, dahulu kedai ini hanya dibuka bermula pagi hingga tengah hari namun kini terpaksa membuka kedai dari pagi hingga ke tengah malam atas permintaan pelanggan.

Lain pula ceritanya bagi pasangan warga emas yang telah menetap di Kuala Pahang sejak kecil, Wan Kembang Wan Muda, 63, bersama suaminya Sulaiman Hassan, 75.

Wan Kembang yang lebih dikenali dengan panggilan 'Mak Ngah' berkata, dahulu sumber

pendapatannya hanya dari hasil laut.

Namun kini beliau memiliki enam buah rumah berhampiran dengan rumahnya yang disewakan kepada pelajar UMP yang tinggal di luar kampus dengan kadar sewa RM350 sebulan.

Katanya, beliau amat bersyukur dengan usia sebegini sudah pasti tidak mampu untuk turun ke laut, namun pendapatannya daripada rumah sewa sudah cukup untuk menampung keluarganya.

Manakala menurut Penghulu Mukim Kuala Pahang, Ismail Othman, UMP menjadi pemangkin pembangunan pendidikan dan ekonomi masyarakat setempat di Kuala Pahang.

"Kita merasa gembira melihat UMP terus berkembang dan diperluaskan dengan wujudnya fakulti baharu dan penambahan kadar bilangan pelajar, tenaga pengajar serta staf yang ramai.

"Penduduk tempatan juga berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan di UMP sekurang-kurangnya sebagai staf dan mereka juga berpeluang menjalankan perniagaan atau perkhidmatan yang diperlukan oleh pelajar universiti berkenaan," ujarnya.

Kata beliau, sehingga kini nilai hartanah di kawasan berkenaan turut melambung tinggi kesan pembinaan UMP sejak setahun lalu.